

KESEDIAAN GURU BAHASA INGGERIS SEKOLAH RENDAH MELAKSANAKAN PEMBELAJARAN ABAD KE 21

Siti Suhaili Sarif

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah daerah Kuala Langat dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan guru, kemahiran ICT guru, kesediaan infrastruktur asas dan kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21. Selain daripada itu, kajian ini juga ingin melihat sama ada terdapat hubungan di antara tahap kesediaan guru melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap pengetahuan guru, kemahiran ICT guru dan infrastruktur asas. Kaedah tinjauan telah dipilih untuk menjalankan kajian ini dengan menggunakan borang kaji selidik yang menggunakan skala Likert secara atas talian. Seramai 150 orang guru Bahasa Inggeris sekolah rendah telah terlibat di dalam pengisian borang kaji selidik secara atas talian ini. Perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS versi 23.0) telah digunakan bagi menganalisis data yang telah diperolehi daripada responden. Ia bertujuan untuk mengukur sama ada terdapat hubungan antara pemboleh ubah kajian. Data dianalisis menggunakan statistik diskriptif iaitu frekuensi, min dan sisihan piawai serta statistik inferensi iaitu korelasi Pearson. Dapatan kajian bagi ujian korelasi menunjukkan tidak terdapat hubungan di antara tahap kesediaan guru melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap pengetahuan guru, kemahiran ICT guru dan infrastruktur asas. Dapatan hasil kajian menunjukkan tahap kesediaan guru Bahasa Inggeris di daerah Kuala Langat dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 bagi aspek tahap pengetahuan dan aspek infrastruktur asas berada pada tahap tinggi manakala tahap kesediaan guru bagi aspek kemahiran ICT guru berada pada tahap sederhana. Selain daripada itu, perkara turut dibincangkan adalah implikasi dan cadangan kajian lanjut kepada beberapa pihak yang terlibat dengan pembelajaran abad ke 21 ini.

Kata kunci : *kesediaan guru, pembelajaran abad ke 21, guru Bahasa Inggeris, sekolah rendah*

1.0 PENGENALAN

Tidak dapat dinafikan, di antara bidang penting yang menyumbang kepada pembangunan negara adalah pendidikan. Kumpulan sasaran yang menjadi tunjang kepada pembangunan negara adalah murid dan pelajar baik dari institusi pengajian bermula dari pendidikan awal kanak – kanak, sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Oleh itu, kesemua pihak perlu bersiap siaga bagi melengkapkan pelbagai kemahiran dalam menuju pembangunan negara seterusnya dalam menuju wawasan 2020. Justeru, sistem pendidikan sedia ada perlu sentiasa ditambah baik bagi membentuk kemenjadian insaniah dan seterusnya melahirkan insan yang mampu berdaya saing dengan persaingan tempatan mahupun global. Maka, Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha sebaik mungkin dalam memastikan mutu pendidikan kita standing dengan luar lebih – lebih

lagi dalam menuju ke arah pembelajaran abad ke 21. Mutakhir ini, pembelajaran abad ke 21 atau PAK21 sering diberi penekanan di dalam mana – mana dasar pembaharuan yang diwujudkan oleh KPM.

Oleh itu, rakyat Malaysia perlu memiliki ilmu dan kemahiran yang selari dengan peredaran zaman. Sistem pendidikan kita perlulah mengikut peredaran zaman kerana ia bertanggungjawab sebagai menjadi orang tengah bagi menyampaikan ilmu dan kemahiran kepada masyarakat. Perubahan dalam pendidikan tidak lari daripada pengaruh perkembangan teknologi. Kita juga dapat melihat pembudayaan baru dapat diterapkan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar juga dapat menerima perubahan ini seiring dengan peredaran zaman. Untuk membangunkan modal insan yang berpaksikan kemahiran abad ke 21, teknologi maklumat dan komunikasi telah diperluaskan ke dalam sistem pendidikan di Malaysia (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012). Ini kerana untuk mewujudkan tenaga kerja dan masyarakat abad ke 21, kemahiran abad ke 21 perlu diterapkan dari awal pendidikan lagi. Di sebabkan itu, KPM telah mula memainkan peranan penting untuk menembusi abad ke 21 ini dengan mewujudkan kurikulum ICT dalam KBSR dan KBSM dan diteruskan dengan KSSR dan KSSM. Pada tahun 2014, KPM telah melancarkan inisiatif pembelajaran abad ke 21 secara rintis. Manakala pada tahun 2015, peluasan pelaksanaan pembelajaran abad ke 21 pula terus disebar luaskan di dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Kemahiran abad ke 21 dikatakan satu set kemahiran yang diperlukan untuk murid bersaing di era digital. Bagaimana ia berlaku? Kemahiran abad ke 21 ini akan bergabung dengan kandungan pembelajaran dan amalan mata pelajaran Bahasa Inggeris menjadi salah satu cara untuk pelajar mahir dan menguasai Bahasa Inggeris. Langkah yang boleh diambil oleh mana – mana pihak ialah dengan mempersiapkan pelajar dengan kefahaman yang jelas dalam menguasai Bahasa Inggeris dan penguasaan kemahiran abad ke 21. Menurut ITL (2011), hasil pembelajaran abad ke 21 ada hubungan yang kuat dengan pengajaran guru itu. Walau bagaimanapun, terma kemahiran abad ke 21 ini masih belum sepenuhnya difahami oleh guru – guru. Kekhuatiran pelaksanaannya tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya amat membimbangkan kerana menurut Noraini (2015), tindakan, keputusan dan amalan dalam bilik darjah adalah hasil daripada kefahaman guru tentang sesuatu konsep. Selain daripada itu juga, menurut Carlgren (2013), kelemahan murid dalam menguasai kemahiran seperti komunikasi, pemikiran kritikal dan penyelesaian boleh berlaku akibat daripada gagalannya guru itu.

Dengan itu, guru boleh menambahkan pengetahuan mengenai kemahiran abad ke 21 melalui kajian ini. Menurut Azalyza (2003), warganegara Malaysia perlu melengkapkan diri dengan berbagai – bagai kemahiran berkomunikasi, menguasai berbagai – bagai bahasa, berfikiran kreatif, kritis dan berinovatif bagi berdepan dengan cabaran globalisasi. Manakala menurut Ainun, Zamri dan Wan (2017) pula, dengan menerapkan konstruk kemahiran abad ke 21 dalam proses PdPc, ia adalah satu permulaan dalam menekankan penguasaan kemahiran abad ke 21 di dalam PdPc.

Pada abad ke 21 ini, proses pengajaran dan pembelajaran semakin mencabar dan penting. Kaedah pengajaran dan pembelajaran juga perlu turut berubah. Teknologi yang dipergunakan dalam dunia pendidikan juga harus berubah seiring dengan peredaran zaman. Rata-rata pakar pendidikan bersetuju bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu berubah sesuai dengan perkembangan teknologi siber dan akses kepada Internet yang semakin maju. Kaedah pengajaran konvensional seperti “chalk and talk” semata-mata dikatakan kurang menarik minat murid. Menurut Ahmad (1994) dan Ab Rahim (1985) mendapati kebanyakan guru tidak mempraktikkan strategi pemusatan murid. Menurut Abdul Halim dan Siti Azeana (2017), transformasi pendidikan kini memerlukan setiap guru berubah kepada pengajaran yang statik kepada pembelajaran yang lebih kreatif dan kritis. Oleh itu,

kaedah pengajaran dan pembelajaran memerlukan kaedah yang lebih dinamik dan kreatif dengan kandungan pengajaran yang relevan sesuai dengan perkembangan semasa.

2.0 PENYATAAN MASALAH

PAK21 yang menjadi elemen penting Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang menekankan pembelajaran berpusatkan murid dan berunsurkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dilaksanakan dengan penyediaan bilik darjah bersesuaian dan disusuli penyediaan rancangan mengajar serta pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) abad ke 21. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi memastikan PAK21 dapat dilaksanakan dengan lebih efektif supaya objektif pelaksanaannya dapat dicapai.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Abdul Halim dan Siti Azeana (2017), guru masih menggunakan kaedah pengajaran konvensional di mana guru akan memberi penerangan dan menyebarkan ilmu berpusatkan di dalam kelas dan bergantung kepada silibus dan kaedah pengajaran oleh tenaga pengajar. Setiap tenaga pengajar juga mempunyai pendekatan berbeza mengikut inisiatif mereka untuk memberi penjelasan terhadap topik atau bab yang diajar. Namun begitu, terdapat juga pelbagai bahan sumber pendidikan termasuk kemudahan maklumat dari sumber elektronik dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Ismail Zain, 2002). Pembelajaran yang berkesan juga dianggap sebagai pembelajaran yang menyeronokkan (Dick & Reiser, 1989). Perisian multimedia merupakan satu alternatif baru ke arah mempelbagaikan media pengajaran melalui pendekatan teknologi multimedia serta memberi pendedahan kepada pelajar tentang kecanggihan teknologi multimedia masa kini (Ismail Zain, 2002).

Terdapat tiga permasalahan kajian yang jelas berdasarkan tajuk kajian Kesiediaan Guru Bahasa Inggeris Sekolah Rendah melaksanakan pembelajaran abad ke 21 iaitu:

- i. Tahap pengetahuan guru tentang PAK21
- ii. Tahap kemahiran dalam penggunaan ICT di kalangan guru.
- iii. Sesetengah guru masih menggunakan kaedah PdP berpusatkan guru

Menurut (Collins, 2006; Jonassen & Rohrer-Murphy, 1999; Karagiorgi & Symeou, 2005; Sadler, 1989; Vrasidas, 2000) dalam Shu Shing-Lee & David Hung (2012), selagi mana pelajar memahami dan mampu menggunakan pengetahuan dan ilmu sedia ada yang mereka dapati daripada prose pembelajaran dan pengajaran, proses pembelajaran itu sendiri telah berjaya dilaksanakan.

Oleh itu, daripada rentetan-rentetan masalah yang dinyatakan di atas, maka teretusnya idea oleh pengkaji akan menjalankan kajian terhadap kesediaan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah melaksanakan pembelajaran abad ke 21 di 55 buah sekolah rendah di daerah Kuala Langat. Pengkaji berminat menjalankan kajian terhadap guru Bahasa Inggeris di 55 buah sekolah rendah ini memandangkan tiada lagi kajian-kajian yang lepas berkenaan kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 ini. Berikutan pembelajaran abad ke 21 telah dijalankan di daerah Kuala Langat, pengkaji ingin mendapatkan jawapan sebenar melalui kajian bagaimana kesediaan guru Bahasa Inggeris di daerah ini mengamalkan pembelajaran abad ke 21. Oleh yang demikian, pengkaji percaya dan yakin bahawa dapatan yang diperolehi diharapkan dapat membantu membantu memberikan satu gambaran keseluruhan tahap kesediaan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke 21 dan dijadikan panduan kepada mana – mana pihak yang terlibat di dalam pendidikan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap kesediaan guru dan pemahaman guru di dalam penggunaan ICT bagi melaksanakan PAK21. Selain itu kajian ini juga ingin mengenal pasti tahap pengetahuan guru dalam melaksanakan PAK21 serta menentukan samaada pengetahuan PAK 21 guru mempunyai perkaitan dengan kekerapan PAK21 dalam sesi pembelajaran dan pengajaran di bilik darjah. Justeru, kajian ini bertujuan mendapatkan hasil dan maklumat berkenaan kesediaan guru mengaplikasi penggunaan ICT dalam PAK21.

- i. Menenal pasti tahap pengetahuan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21
- ii. Menenal pasti tahap kemahiran ICT guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21
- iii. Menenal pasti tahap kesediaan infrastruktur asas dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21
- iv. Menenal pasti tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21
- v. Menenal pasti hubungan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap pengetahuan guru
- vi. Menenal pasti hubungan di antara tahap kesediaan guru melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kemahiran ICT guru.
- vii. Menenal pasti hubungan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kesediaan infrastruktur asas.

4.0 PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah tahap pengetahuan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21?
- ii. Apakah tahap kemahiran ICT guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21?
- iii. Apakah tahap kesediaan infrastruktur asas dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21?
- iv. Apakah tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21?
- v. Adakah terdapat hubungan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap pengetahuan guru?
- vi. Adakah terdapat hubungan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kemahiran ICT guru?
- vii. Adakah terdapat hubungan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kesediaan infrastruktur asas?

5.0 HIPOTESIS KAJIAN

Ho1 Tiada hubungan signifikan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap pengetahuan guru

Ho2 Tiada hubungan signifikan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kemahiran ICT guru

Ho3 Tiada hubungan signifikan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kesediaan infrastruktur asas

6.0 METODOLOGI

Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen atau alat untuk mendapatkan data di dalam kajian ini. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada maklumat demografi, tahap pengetahuan guru tentang pembelajaran abad ke 21, kemahiran ICT guru dan kesediaan infrastruktur asas.

Responden yang terlibat adalah terdiri daripada 150 orang guru Bahasa Inggeris sekolah rendah daerah Kuala Langat melibatkan 55 buah sekolah rendah yang boleh dipecahkan kepada 35 buah sekolah kebangsaan (termasuk sekolah kluster kecemerlangan), 13 buah sekolah jenis kebangsaan tamil dan 7 buah sekolah jenis kebangsaan Cina. Perisian statistik Statistical Package for Social Science versi 23.0 telah digunakan dalam membuat pemprosesan dan penganalisan data. Analisis deskriptif yang menunjukkan kekerapan, min dan peratusan setiap item digunakan dalam menganalisis maklumat diri responden seperti jantina, umur, pengalaman mengajar, pengalaman menggunakan ICT dan kelulusan akademik. Tahap pengetahuan guru tentang pembelajaran abad ke 21, kemahiran ICT guru dan kesediaan infrastruktur asas dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 turut ditentukan berdasarkan pengiraan kekerapan, peratusan dan min skor yang diperolehi oleh responden.

Bagi menentukan kekuatan hubungan aspek tahap pengetahuan guru tentang pembelajaran abad ke 21, kemahiran ICT guru dan kesediaan infrastruktur asas, pengkaji telah menggunakan analisis korelasi Pearson. Pembolehubah oleh Cohen (1988) telah digunapakai di dalam kajian ini bagi menganggar kekuatan antara pembolehubah.

7.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Seramai 150 orang responden yang mengajar Bahasa Inggeris sekolah rendah yang mengajar di sekitar daerah Kuala Langat telah dipilih secara rawak. Kajian ini telah dijalankan ke atas 150 orang guru Bahasa Inggeris sekolah rendah daerah Kuala Langat. Terdapat 55 buah sekolah rendah yang terlibat di dalam kajian ini merangkumi 35 buah sekolah kebangsaan, 13 buah sekolah jenis kebangsaan tamil dan 7 buah sekolah jenis kebangsaan cina.

8.0 DAPATAN STATISTIK DESKRIPTIF

Persoalan Kajian 1: Apakah tahap pengetahuan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21?

Terdapat 16 item yang di uji di bawah aspek pengetahuan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah tentang pembelajaran abad ke 21. Keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dari aspek pengetahuan guru tentang pembelajaran abad ke 21 adalah berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan jadual 4.6, semua item memberikan interpretasi min yang tinggi berkenaan kesediaan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dari aspek pengetahuan guru tentang pembelajaran abad ke 21. Semua item memberikan skor min antara 3.84 – hingga 4.21 yang menunjukkan pengetahuan guru tentang pembelajaran abad ke 21 pada item-item ini berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya, tahap kesediaan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap pengetahuan guru tentang pembelajaran abad ke 21 adalah pada tahap tinggi (min = 4.02, $sp = 0.440$). Jadual 4.6 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi aspek pengetahuan guru tentang pembelajaran abad ke 21.

Terdapat tiga tahap pengetahuan guru tentang pembelajaran abad ke 21 yang ingin dikaji di dalam kajian ini iaitu ciri – ciri murid PAK21, kemahiran – kemahiran murid PAK21 dan konsep pedagogi PAK21. Di dalam bahagian ciri – ciri murid PAK21, bilangan responden yang mengetahui ciri-cirinya adalah murid berupaya membuat hubung kait sebanyak 134 responden (89.4%), murid berkemahiran kritis sebanyak 128 responden (85.4%), murid menguasai kemahiran literasi 124 responden (82%), murid mampu berfikir sendiri sebanyak 128 responden (85.4%) dan murid berintegriti sebanyak 129 responden (86%).

Di dalam bahagian pengetahuan guru tentang kemahiran – kemahiran murid PAK21, bilangan responden yang mengetahui kemahiran – kemahiran itu adalah murid berupaya berfikir secara kritikal dan kreatif sebanyak 134 responden (89.3%), murid berkomunikasi secara berkesan sebanyak 135 responden (90%), murid menikmati keindahan ciptaan dan seni sebanyak 123 responden (82%), murid yang membuat pilihan dan keputusan sebanyak 135 responden (90%), murid mencari, menginterpretasi dan mengaplikasi maklumat sebanyak 126 responden (84%) dan murid perlu bergaul dan bekerjasama dengan orang lain sebanyak 139 responden (92.7%).

Manakala di dalam bahagian pengetahuan guru tentang konsep pedagogi PAK21, bilangan responden yang mengetahui konsep – konsep itu adalah 5 prinsip set induksi penaakulan sebanyak 117 responden (78%), pengajaran berasaskan aktiviti sebanyak 140 responden (93.4%), pengukuhan dan pengayaan dikembangkan dan diterapkan melalui pengetahuan sebanyak 132 responden (88%), penilaian berbentuk informasi dan formatif sebanyak 135 responden (90%) dan kesimpulan/penutup yang merumuskan isi kandungan P&P sebanyak 139 responden (92.7%).

Persoalan kajian 2: Apakah tahap kemahiran ICT guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21?

Terdapat 16 item yang di uji di bawah aspek kemahiran ICT guru. Keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa tahap kesediaan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dari aspek kemahiran ICT guru adalah berada pada tahap sederhana.

Berdasarkan jadual 4.7, analisis menunjukkan lima item yang memberikan interpretasi min yang tinggi dan 11 item memberikan interpretasi min yang sederhana berkenaan kesediaan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dari aspek kemahiran ICT guru. Item 1, 8, 9, 11 dan 15 memberikan skor min di antara 3.73 hingga 4.07. yang menunjukkan kemahiran ICT guru pada item-item berkenaan berada pada tahap tinggi. Item 2, 3, 4, 5, 6, 7,10, 12,13 , 14 dan 16 memberikan skor min di antara 2.95 hingga 3.77 yang menunjukkan kemahiran ICT guru pada item-item berkenaan berada interpretasi min sederhana. Secara keseluruhan, tahap kesediaan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dari aspek kemahiran ICT guru tentang pembelajaran abad ke 21 adalah pada tahap sederhana (min = 3.55, sp = 0.810). Jadual 4.7 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi aspek kemahiran ICT guru tentang pembelajaran abad ke 21.

Di dalam bahagian kemahiran ICT guru, bilangan responden yang mahir pada tahap tinggi dengan kemahiran – kemahiran yang diuji seperti menggunakan perisian pemproses kata sebanyak 132 responden (88%), melayari internet sebanyak 134 responden (89.3%), menggunakan peralatan ICT sebanyak 113 responden (75.5%), menggunakan peranti ICT sebagai alat komunikasi sebanyak 108 responden (72%) dan mencari sumber pembelajaran menggunakan ICT sebanyak 124 responden (82.6%).

Manakala di dalam bahagian kemahiran ICT guru, bilangan responden yang mahir pada tahap sederhana dengan kemahiran – kemahiran yang diuji seperti menggunakan perisian hamparan elektronik sebanyak 102 responden (68%), menggunakan perisian persembahan sebanyak 115 responden (76.7%), menggunakan perisian penerbitan sebanyak 62 responden (41.3%), menggunakan perisian pengkalan data sebanyak 51 responden (34%), menggunakan perisian multimedia sebanyak 90 responden (60%), menggunakan perisian utiliti sebanyak 73 responden (48.7%), menyelenggara perisian ICT sebanyak 56 responden (37.3%), menggunakan perisian rangkaian untuk pembangunan sendiri sebanyak 78 responden (52%), membuat persediaan kerja dan menyimpan rekod menggunakan perisian ICT sebanyak (68%), membuat persediaan pengajaran. menggunakan ICT sebanyak 107 responden (71.3%) dan mereka bentuk dan menghasilkan sumber pembelajaran menggunakan ICT sebanyak 97 responden (64.6%).

Persoalan kajian 3: Apakah tahap kesediaan infrastruktur asas dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21?

Terdapat 9 item yang di uji di bawah aspek kesediaan infrastruktur asas. Keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa tahap kesediaan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dari aspek kesediaan infrastruktur asas adalah berada pada tahap tinggi. Berdasarkan jadual 4.8, analisis menunjukkan semua item memberikan interpretasi min yang tinggi berkenaan kesediaan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dari aspek kesediaan infrastruktur asas. Semua item memberikan skor min antara 4.08 hingga 4.25 yang menunjukkan kesediaan infrastruktur asas pada item-item ini berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhan, tahap kesediaan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dari aspek kesediaan infrastruktur asas adalah pada tahap tinggi (min = 4.17, sp = 0.544). Jadual 4.8 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi aspek kesediaan infrastruktur asas tentang pembelajaran abad ke 21.

Di dalam bahagian kesediaan infrastruktur asas, bilangan responden yang mengetahui ciri – ciri itu termasuklah kemudahan ICT perlu dimanfaatkan sebanyak 139 responden (92.6%), corak duduk murid dan fungsi sebanyak 140 responden (93.6%), sudut objektif sebanyak 137 responden (91.3%), ruang paparan hasil kerja murid sebanyak 143 responden (143 responden), parking lot/sudut perkongsian masalah sebanyak 134 responden (89.3%), sudut buku dan bahan bacaan sebanyak 139 responden (92.7%), carta penghargaan/reward chart sebanyak 140 responden (93.3%), sudut sumbangsaran sebanyak 133 responden dan Lampu Isyarat (traffic light classroom) sebanyak 141 responden (94%).

Persoalan kajian 4: Apakah tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21?

Terdapat 11 item yang di uji bagi menjawab persoalan kajian ini. Keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa tahap kesediaan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 adalah berada pada tahap tinggi. Berdasarkan jadual 4.9, analisis menunjukkan semua item memberikan interpretasi min yang tinggi berkenaan kesediaan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21. Semua item memberikan skor min antara 4.03 hingga 4.73 yang menunjukkan kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 pada item-item ini berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhan, tahap kesediaan guru Bahasa Inggeris sekolah rendah dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 adalah pada tahap tinggi (min = 4.36, sp = 0.433).

Jadual 4.9 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21.

Di dalam bahagian kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21, bilangan responden yang bersedia itu termasuklah bersedia untuk melaksanakan pembelajaran abad ke 21 di dalam PdP mereka ialah 131 responden (87.3%), melaksaksakan pembelajaran abad ke 21 dalam jangka masa panjang sebanyak 150 responden (100%), melaksanakan pembelajaran abad ke 21 walaupun tiada arahan sebanyak 111 orang (74%), bekerjasama dengan orang lain sebanyak 150 responden (100%), berusaha untuk mencari strategi pengajaran yang bersesuaian dengan pembelajaran abad ke 21 sebanyak 150 responden (100%), membuat penambahbaikan RPH sebanyak 150 responden (100%), memberi komitmen sepenuhnya terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke 21 sebanyak 130 responden (86.7%), menerapkan kemahiran 4K+1N di dalam PdP sebanyak 150 responden (100%), menambah pengetahuan yang berkaitan dengan pembelajaran abad ke 21 sebanyak 150 orang (100%), mengintegrasikan ICT di dalam PdP sebanyak 150 responden (100%) dan menyediakan infrastruktur yang berkaitan dengan pembelajaran abad ke 21 sebanyak 150 responden (100%).

Persoalan Kajian 5: Adakah terdapat hubungan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap pengetahuan guru?

Ho1: Tiada hubungan signifikan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap pengetahuan guru

Ha1: Terdapat hubungan signifikan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap pengetahuan guru

Merujuk kepada jadual 4.10, ia menunjukkan hasil ujian korelasi di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap pengetahuan guru. Jadual kolerasi di bawah menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kesediaan guru melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap pengetahuan guru dengan pekali korelasi lebih daripada 0.05. Merujuk kepada garis panduan kekuatan hubungan kolerasi Cohen, tahap hubungan kedua-dua aspek/pembolehubah adalah songsang dan lemah iaitu $r = -0.009$. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan signifikan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap pengetahuan guru. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa Ho1 adalah diterima kerana tiada hubungan signifikan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap pengetahuan guru.

Persoalan Kajian 6: Adakah terdapat hubungan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kemahiran ICT guru?

Ho2: Tiada hubungan signifikan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kemahiran ICT guru

Ha2: Terdapat hubungan signifikan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kemahiran ICT guru

Merujuk kepada jadual 4.11, ia menunjukkan hasil ujian korelasi di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kemahiran ICT guru.

Jadual kolerasi di bawah menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kesediaan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kemahiran ICT guru dengan pekali korelasi lebih daripada 0.05. Merujuk kepada garis panduan kekuatan hubungan kolerasi Cohen, tahap hubungan kedua-dua aspek/pembolehubah adalah lemah iaitu $r = 0.027$. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa H_02 adalah diterima kerana tidak terdapat hubungan signifikan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kemahiran ICT guru.

Persoalan Kajian 7: Adakah terdapat hubungan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kesediaan infrastruktur asas?

H_03 : Tiada hubungan signifikan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kesediaan infrastruktur asas

H_a3 : Terdapat hubungan signifikan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kesediaan infrastruktur asas

Merujuk kepada jadual 4.12, ia menunjukkan hasil ujian korelasi di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kesediaan infrastruktur asas. Jadual kolerasi di bawah menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kesediaan infrastruktur asas dengan pekali korelasi lebih daripada 0.05. Merujuk kepada garis panduan kekuatan hubungan kolerasi Cohen, tahap hubungan kedua-dua aspek/pembolehubah adalah songsang dan lemah iaitu $r = -0.009$. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa H_03 adalah diterima kerana tiada hubungan signifikan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kesediaan infrastruktur asas.

Secara ringkasnya, keseluruhan dapatan kajian ini dapat dilihat di dalam jadual ____

Jadual ____: Ringkasan dapatan kajian

	Persoalan Kajian	Dapatan
1	Apakah tahap pengetahuan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21?	Tinggi
2	Apakah tahap kemahiran ICT guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21	Sederhana
3	Apakah tahap kesediaan infrastruktur asas dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21?	Tinggi
4	Apakah tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21?	Tinggi
5	Adakah terdapat hubungan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap pengetahuan guru?	
6	Adakah terdapat hubungan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kemahiran ICT guru?	
7	Adakah terdapat hubungan di antara tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kesediaan infrastruktur asas?	
H_01	Tiada hubungan signifikan di antara aspek kemahiran ICT guru dengan tahap pengetahuan guru	Diterima (tiada hubungan)

- Ho2 Tiada hubungan signifikan di antara aspek pengetahuan guru tentang pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kemahiran ICT guru Diterima (tiada hubungan)
- Ho3 Tiada hubungan signifikan di antara aspek pengetahuan guru tentang pembelajaran abad ke 21 dengan tahap kesediaan infrastruktur asas Diterima (tiada hubungan)
-

9.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Hasil kajian terhadap 150 orang sampel guru di daerah Kuala Langat menunjukkan secara majoriti guru – guru Bahasa Inggeris mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dari aspek tahap pengetahuan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 di dalam bilik darjah.

10.0 RUJUKAN

- Abd Ghani, Aziah & Tan (2008). Kesan pincang laku kepimpinan pengetua terhadap guru. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Halim Abdullah & Siti Azeana Zulkifli. (2017). Kesediaan Guru Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Universiti Teknologi Malaysia
- Abdul Rahim Ahmad. 1985. Tanggapan Guru Dalam Perancangan dan Pelaksanaan Kurikulum Sejarah. Thesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Abdul Said Ambotang. (2006). Tahap Penggunaan Dan Sikap Terhadap Komputer Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Di Daerah Tuaran, Sabah
- Abdullah Ibrahim. (2004). Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Dan Kaitannya Dengan Pembangunan
- Ainun Rahman Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2017). Pembelajaran Abad ke 21 dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah: Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu Vol. 7, Bil. 2 (Nov. 2017): 77 – 88
- Ambigapathy Pandian. (2004). Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu; Hala tuju guru pelatih Bahasa Melayu. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jilid 1-17.
- Armenakis, A. A., & Bedeian, A. G. (1999). Organizational Change: A Review of Theory and Research in the 1990s. *Journal of Management*, 25(3), 293–315.
- Azalya Ayob. (2003). Kepentingan kemahiran generik di kalangan pekerja industri elektrik dan elektronik di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Projek Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia
- Azizi Ahmad. (2010). Pentaksiran pembelajaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badrul Hisham Alang Osman, Badrulhisham & Mohd Nasruddin Basar. (2015). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke 21 dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh: Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 10, 2016
- Bez. N. (2001). Innovations in research techniques: Online survey and beyond paper presented at Tafe Frontiers Conference, Melbourne.
- Buletin Anjakan. (April, 2015). Ciri – ciri Pembelajaran Abad ke – 21. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, p.2.
- Buletin Anjakan. (Mei, 2015). Ciri – ciri Guru Abad 21. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, p.2.
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis For The Behavioral Sciences*. London: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Cooper, D. R., & Schindler, P. S. (2011). *Business research methods* (11th ed. ed.). New York: McGraw-Hill/Irwin
- Dick ,W. & Reiser, R.A. (1989). *Planning Efective Instruction*. Prentice-Hall.
- Ertmer, P. A., Ottenbreit-Leftwich, A. T., Sadik, O., Sendurur, E., & Sendurur, P. (2012). Teacher Beliefs and Technology Integration Practices: A Critical Relationship. *Computers & Education*, 59(2), 423-435.

- Faridah Nazir, Faiziah Shamsudin & Amran Bakar. (2016). *Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke – 21*. Bangi: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Fisher, D. M., & Waller, L. R. (2013). The 21ST century principal: A study of technology leadership and technology integration in Texas K-12 schools. *The Global eLearning Journal* 2 (4).
- Fullan, M. G. (1993). Why teachers must become change agents. *Educational Leadership*, 50(6), 1-13.
- Ismail Zain (2002). *Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Janggil Apak & Muhamad Suhaimi Taat (2018). *Pengaruh Kesediaan Guru Terhadap Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke 21*. Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah
- Juliana Osong & Norafidah Noralidin (2016). *Persediaan Pengetahuan dan kemahiran Guru Abad ke-21*. IPGK Gaya, Sabah
- Kereluik, K., Mishra, P., Fahnoe, C., & Terry, L. (2013). What knowledge is of most worth: Teacher knowledge for 21st century learning *Journal of Digital Learning in Teacher Education*, 29(4), 127 – 140.
- Kline, T. (2005). *Psychological Testing: A Practical Approach To Design & Evaluation*. California: Sage Publication.
- Mishra, P., & Kereluik, K. (2011). What 21st Century Learning? A Review and A Synthesis. In Maddux, C. D., Koehler, M. J., Mishra, P., & Owens, C. (eds.). *Proceedings of Society for Information Technology & Teacher Education International Conference 2011*. Chesapeake, VA: AACE.
- Mohd. Azhar Abdul Hamid, Paimah Atoma, Muhamed Fauzi Othman & Mohd. Nasir Markom. (2004). *Andragogi - Mengajar Orang Dewasa Belajar*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Fahmi Mohd Yusof (2016) *Kesediaan guru sekolah menengah mengamalkan pengajaran abad ke 21*. Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow Tze Wei (2017). *Kesahan Dan Kebolehppercayaan Instrumen Penilaian Kendiri Pembelajaran Geometri Tingkatan Satu*. Faculty of Science and Mathematics Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
- Mohd Majid Konting. 1990. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nor Ikhazan & Wahig bin Razzaly (2005). *Soal Selidik Berinternet Dalam Kajian Teknik Delphi Untuk Pembangunan E Staf Di Politeknik Malaysia*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
- Mohd. Tahir Mustapha. (2006). *Peranan Penolong Kanan Ke Arah Keberkesanan Sekolah*. *Jurnal Pendidikan PKPSM Negeri Sembilan*.
- Mok S. S. (2008). *Pedagogi untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. PenerbitanMultimedia Sdn. Bhd.
- Noor Hashimah & Amir Shaukhi. (2013). *Gaya Kepimpinan Pengetua Dalam Menjayakan Penyediaan Pendidikan Abad Ke 21*
- Nooraini Abdul Rahim & Abdul Halim Bin Abdullah. (2017). *Kesediaan Guru Matematik Sekolah Menengah Dalam Melaksanakan Proses Pembelajaran dan Pengajaran Abad ke – 21*: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- Noorazura Abdul Rahman 15 Oktober 2017. *Pembelajaran Abad Ke 21 di Semua Sekolah*. *Berita Harian*
- Norazlin Mohd Rusdin (2018). *Teachers' Readiness in Implementing 21st Century Learning*. Faculty of Human Development, University Pendidikan Sultan Idris

- Nor Azilah Ngah & Mona Masood. (2003). Penilaian berterusan mengenai kedudukan pelbagai teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah. Universiti Sains Malaysia.
- Nor Azlina Ahmad. (2015). Kesiapan Guru Dalam Pendidikan Integrasi Science, Engineering, Technology And Mathematics (STEM): Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang: Majalah Pendidik November 2016
- Nur Baizura Mahyidin. (2004). Faktor-Faktor Yang Menggalakkan Penggunaan Alat Bantu Mengajar di Kalangan Guru – guru Teknikal di dalam Pengajaran Sehari-hari: Universiti Teknologi Malaysia
- Nurzarina Amran & Roslinda Rosli. (2017). Kefahaman Guru Tentang Kemahiran Abad Ke 21, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Panduan Pelaksanaan Abad ke 21, Institut Aminuddin Baki
- Pejabat Pendidikan Daerah Muar. (2015). Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke 21. Muar, Johor: Pejabat Pendidikan Daerah Muar.
- Razali Ismail. (2002). ICT Dalam Pendidikan: Trend dan isu dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik. Jurnal Pendidikan Guru, Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil15/2002.
- Rosli Abd. Rahim, Zamalia Mahmud & Shafiee Ahmad. 2001. ICT in teaching and learning among UiTM lecturers. International Conference on Challenges and Prospects in Teachers Education. Shah Alam: Penerbitan UiTM.
- Rosnaini Mahmud & Ruhaizan Mohamad Yasin. (2003). Literasi Teknologi Maklumat (TMK) Guru-Guru Sekolah Menengah: Satu Kajian Berbentuk 'Hands-On '. Universiti Putra Malaysia.
- Somekh, B. (2007). Pedagogy and learning with ICT. New York: Routledge
- Wearmouth, Edwards & Richmond (2000). Teachers' professional development to support inclusive practices. Journal of In-service Education, Volume 26, Number 1, March 2000, pp. 49-61(13)
- Zainudin Abu Bakar, Mohd Safarin Noordin & Aide Hatib. (2011). Penguasaan Kemahiran ICT Dalam Kalangan Guru: Suatu Analisis Kritikal Kepustakaan : Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.